

14 NOV 1999

Halim-Politik

BELUM ADA PARTI TEMUI SAYA, KATA HALIM

ALOR SETAR, 14 Nov (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini berkata setakat ini belum ada parti yang menemui beliau dan meminta beliau bertanding pada pilihan raya umum 29 Nov.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar bahawa beliau disebut-sebut akan dicalonkan oleh Barisan Nasional dan dijangka dilantik Menteri Kedah yang baru, beliau berkata ia masih bertaraf spekulasi selagi tidak ada "hitam putih."

Halim berkata sehingga ini belum ada "hint" (bayangan) daripada pemimpin tertinggi kerajaan mengenai perkara itu.

"Saya selalu berjumpa dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) berbincang mengenai hal-hal pentadbiran negara dan PM tidak pernah sebut mengenai hal lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari "Q" Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), di sini.

Halim berkata walaupun ada pemimpin kerajaan Kedah yang bercakap dengannya mengenai kemungkinan beliau akan dicalonkan untuk bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Tunjang, "saya menganggap percakapan itu sebagai olok-olok dan sembang-sembang sahaja. Saya tidak fikir ia serius."

"Hari ini saya masih memegang jawatan dalam kerajaan dan saya datang ke sini atas kapasiti sebagai Ketua Setiausaha Negara. Saya masih berpegang teguh pada prinsip kakitangan awam (peringkat atasan) tidak boleh aktif dalam politik," kata beliau.

Halim berkata beliau masih menjadi anggota biasa sebuah parti tanpa memegang apa-apa jawatan. Bagaimanapun beliau enggan menamakan parti itu.

Ketika ditanya sama ada beliau sedia bertanding sekiranya dicalonkan, Halim berkata: "Saya tidak nak cakap dulu. Biar tiba masanya baru kita cakaplah."

Spekulasi mengenai Halim dicalonkan bertanding di Tunjang dan bakal Menteri Besar Kedah dikaitkan dengan kekerapannya menjalankan tugas rasmi di negeri ini.

Halim yang berasal dari Kampung Lubok, Tunjang, berkata beliau selalu pulang ke Kedah kerana menemui saudara-maranya di samping menjalankan tugas rasmi.

(Tunjang ialah kawasan Dewan Undangan Negeri di bawah kawasan Parlimen Kubang Pasu -- tempat Dr Mahathir menjadi wakil rakyat sejak 1974).

Kontrak Halim sebagai Ketua Setiausaha Negara selama dua tahun sejak 1998 akan tamat dalam tempoh sembilan atau 10 bulan lagi.

Bagaimanapun ketika menjawab satu soalan, Halim berkata beliau boleh menamatkan kontraknya sebelum tempoh itu berakhir.

Ditanya sama ada beliau mempunyai program rasmi pada 20 Nov (Hari Penamaan Calon), Halim tersenyum dan berkata: "Tiada"

Terdahulu, ketika mengakhiri ucapan perasmiannya, Halim secara berseloroh berkata: "Saya akhiri ucapan saya di sini kerana tidak mahu berkempen."

-- BERNAMA

JM NMO